

# **Kepatuhan Syariah Dalam Pelancongan Alam Semulajadi**

Mohd Takiyuddin bin Ibrahim<sup>1\*</sup>, Tengku Maaidah binti Tengku A Razak<sup>1</sup>, Huzaimah Hj Ismail<sup>2</sup>, Mohd Razlan Ahmad<sup>2</sup>, Mohamad Norzamani Sahroni<sup>1</sup>, Mushtak Ahmad Mustaffa<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Centre of Foundation Studies, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

<sup>3</sup>Tourism Malaysia, Tingkat 9, No.2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya, Malaysia

\*Pengarang Penghubung  
mtaki986@salam.uitm.edu.my

*Received: August 2020*

*Accepted: November 2020*

*Online First: December 2020*

## **ABSTRAK**

Pelancongan alam semulajadi menjadi daya tarikan utama kedatangan pelancong ke Malaysia. Statistik kedatangan pelancongan Muslim ke Malaysia pada tahun 2016 adalah seramai 5,527.142 juta dan pada tahun 2017 seramai 5,384.008 juta orang. Penurunan statistik pelancongan Muslim memberi kesan kepada sektor ekonomi dan pendapatan negara. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti isu dan cabaran dalam Islam terhadap industri pelancongan alam semulajadi yang menyebabkan kemerosotan kedatangan pelancong Muslim. Kaedah kajian ini adalah berbentuk pendekatan kualitatif iaitu menganalisis kajian kepustakaan. Ianya melibatkan pencarian bahan berkaitan alam semulajadi dalam konteks pelancongan dan kaitannya dengan syariah. Hasil kajian mendapati bahawa kepatuhan syariah merupakan elemen penting bagi menjamin alam semula jadi sentiasa terpelihara keasliannya. Antara elemen kepatuhan syariah ialah penjagaan kebersihan, pembuangan sampah yang betul, penerokaan hutan secara terkawal, tiada pembakaran terbuka dan tiada penangkapan ikan secara yang tidak terkawal.

**Kata kunci:** Pelancong Muslim, Pemulihan Alam Sekitar, Kepatuhan Syariah, Impak Ekonomi, Eko-Pelancongan

## **Syariah Compliance in Eco-Tourism**

### **ABSTRACT**

Eco-tourism has been the main attraction for many tourists to visit Malaysia. Based on the statistics in 2016 and 2017, the number of Muslim tourists who visited Malaysia were 5,527,142 and 5,384,008 respectively. The decrease in the number of Muslim tourists has impacted the revenue and the relevant economic sectors of Malaysia. This study aimed to identify issues and challenges in Islamic perspective to eco-tourism which resulted in the reduction of the numbers of Muslim tourists coming to Malaysia. A qualitative approach was adopted by having a thorough analysis of references obtained from library and other authentic recourses. In this study, aspect of nature in the context of tourism and its relationship to syariah were analysed. The study showed that syariah compliance plays an important role in ensuring the conservation of nature. Among the elements of syariah compliance for nature conservation are cleanliness,

proper disposal of waste, controlled de-forestation activities, prohibiting open burning and controlled catchment of fish

**Keywords :** Muslim Tourists, Nature Conservation, Syariah Compliance, Economic Impact, Eco-tourism

## 1. Pendahuluan

Pelancong Muslim seringkali ingin menjadikan negara yang mempunyai majoriti Muslim sebagai destinasi utama dalam perancangan pelancongan mereka. Malah Anuar Puteh (2004) mendapati bidang pelancongan dan pengembaraan dalam Islam bukanlah semata-mata untuk mendapat ganjaran atau faedah berupa material sahaja tetapi bertujuan untuk menyelidiki, memahami dan mengakui kebesaran dan penciptaan Allah dan seterusnya mencari keredhaanNya. Menurut tradisi Islam, pelancongan dikenali sebagai '*rehlah*' (pengembaraan). Kegiatan ini telah bermula sejak awal Islam lagi melalui pengembaraan menuntut ilmu, urusan perniagaan, hubungan silaturrahim, hubungan diplomatik dan sebagainya. Rasulullah SAW sendiri terkenal sebagai seorang yang banyak mengembara bermula dari zaman kanak-kanaknya lagi terutamanya melibatkan urusan perekonomian dan perdagangan.

Sektor pelancongan merupakan salah satu sumber pendapatan ekonomi negara. (Ritchie, 2003; Goeldner, 2006; Badaruddin, 2008). Manakala alam semulajadi merupakan sebahagian daripada prasyarat dalam memajukan sektor pelancongan sesebuah negara (Johnes, J., & Mapjabil, J., 2020). Pertumbuhan ekonomi negara akan meningkat sekiranya pelancong sentiasa masuk ke dalam negara. manakala Department of Environment 1994, menyatakan pindaan yang dilakukan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, di bawah Seksyen 34A pada tahun 1985, menjelaskan bahawa pembangunan rekreasi dan peranginan merupakan salah satu daripada aktiviti wajib dan memerlukan kajian dan laporan penilaian impak alam sekitar kepada Jabatan Alam Sekitar bagi kelulusan sebelum sesuatu projek dilaksanakan.

Maka dengan pindaan akta tersebut memberi satu tanggungjawab kepada negara untuk memelihara alam sekitar dengan baik, namun kemusnahan dan kerosakan alam semulajadi masih belum dapat dibendung sekiranya masyarakat dan komuniti masih tidak mempunyai kesedaran yang optimen dalam melaksanakan tanggungjawab ini. Malah keadaan ini telah menjejaskan sektor pelancongan dan juga menyebabkan kehidupan menjadi tidak selesa. Oleh itu, Mohammad Z.B (2016) menjelaskan bahawa keselesaan merupakan perkara penting dalam sektor pelancongan.

Dengan kelebihan negara Malaysia yang mempunyai alam semulajadi yang menarik dan cantik serta majoriti pendudukannya beragama Islam menjadi penyebab Malaysia menjadi tarikan kedatangan pelancong Muslim sepanjang masa. Walaubagaimanapun statistik penurunan kehadiran pelancong Muslim menjadi kebimbangan dalam sektor pelancongan. Hasil penemuan kemerosotan kehadiran pelancong Muslim adalah disebabkan kerosakan alam semulajadi.

Menurut Persatuan Pelancongan Asia Pasifik (PATA), industri pelancongan hanya akan berkembang lebih pesat jika alam semula jadi dan kebudayaan dikekalkan dalam bentuk sebenarnya. Para pelancong Islam dan penduduk setempat mestilah sentiasa terdidik agar menjaga alam semulajadi sepertimana yang diciptakan oleh Ilahi. Ketidakpatuhan kepada syariah adalah antara penyebab berlakunya kerosakan kepada alam semulajadi. Kepatuhan syariah dalam pemeliharaan alam semulajadi adalah merupakan suatu tuntutan agama yang amat penting. Oleh itu kertas kerja ini akan membincangkan kepentingan pemeliharaan alam semula jadi menurut pandangan syariah dan kepatuhannya di kalangan pelancong Islam.

## 2. Latarbelakang Kajian

Pelancongan alam semulajadi merupakan perkara penting dalam industri pelancongan. Menurut Salleh (2011), imej destinasi adalah penting dalam menentukan kualiti perkhidmatan pelancongan yang disediakan oleh pusat pelancongan, malah menurut beliau juga imej destinasi dapat menyumbang kepada permintaan yang berulang oleh pelancong ke suatu destinasi. Oleh itu alam semulajadi yang tercemar dan rosak juga akan menyebabkan kedatangan pelancong makin berkurangan serta boleh menjejaskan pendapatan negara (Sa'dan Man, 2016). Pelancongan alam semulajadi dalam Islam adalah termasuk dalam kategori untuk mencetuskan peningkatan keimanan melalui pemerhatian dan pengkajian terhadap alam sekitar ciptaan Allah SWT.

Menurut Johnes, J. (2020) isu dan cabaran daripada kemusnahan alam semulajadi adalah kebanyakan dialami oleh pelancong kembara. Oleh itu, alam semulajadi merupakan anugerah Allah SWT yang amat bernilai kepada kesejahteraan hidup manusia. Allah SWT telah mencipta alam ini dengan amat sempurna dan seimbang untuk manfaat dan kemakmuran manusia sebagai khalifah di bumi ini. Bumi yang luas dijadikan tempat tinggal manusia, gunung ganang sebagai pasak bumi, tumbuh-tumbuhan sebagai sumber makanan dan ubatan kepada kehidupan, hujan sebagai rezeki, demikian juga dengan pelbagai jenis haiwan dan hidupan di lautan yang dijadikan untuk kemudahan hidup manusia.

Oleh itu Islam telah memberikan satu penekanan yang serius mengenai penjagaan alam semulajadi dengan seruan mengekalkan pemeliharaannya sebagai kurniaan atau nikmat Allah SWT yang agung. Keseimbangan alam semulajadi dan ekosistem memberi kesan ketara kepada keharmonian dan kesejahteraan hidup dan ianya mestilah selari dengan kemajuan negara serta kemakmuran yang dikecapi. Melalui penjagaan alam semulajadi dapat membantu para pelancong Islam untuk menikmati keindahannya dan seterusnya mensyukurinya. Dengan ini usaha untuk memelihara keasliannya sentiasa tersemat dalam hati setiap pelancong Islam.

Namun begitu, sekiranya industri pelancongan gagal mengenalpasti kaedah penyelesaian dalam memelihara alam sekitar dengan memberi kesedaran kepada masyarakat atau pemantauan berkala, ianya akan memberi kesan kepada pendapatan perusahaan mikro dalam membangunkan destinasi pelancongan. Dalam kajian Jani (2019) menjelaskan bahawa akibat kekurangan kesedaran ini menyebabkan aliran pendapatan negara dalam keadaan membimbangkan.

Kerosakan alam semulajadi berlaku disebabkan sikap manusia yang tidak bertanggungjawab memeliharanya. Tabiat buruk seperti membuang sampah merata-rata, membuang sisa buangan secara terus ke dalam laut dan sungai, melepaskan asap kilang tanpa tapisan, mencerooboh hutan secara berleluasa, menjalankan aktiviti pembangunan secara tidak terkawal, melakukan pembakaran secara terbuka dan pelbagai aktiviti seumpamanya akan memberi kesan jangka panjang kepada alam semulajadi seperti peningkatan suhu bumi, pencemaran sumber air, pencemaran udara, banjir besar, tanah runtuh, pembakaran hutan, kepupusan flora dan fauna dan perubahan cuaca tidak menentu yang pastinya menjejaskan kehidupan manusia keseluruhannya. Pelbagai bencana dan kerosakan alam semulajadi yang berlaku di seluruh dunia adalah disebabkan oleh kerakusan dan kecuaiian manusia itu sendiri.

Menurut Dr Ahmad Ismail (2018) mendapati pembalakan yang amat giat dilakukan sekitar perkampungan orang Asli Suku Batek di Sungai Balai, Kelantan telah menyebabkan punca air bersih mereka menjadi tercemar dan keruh. Disamping itu hasil tanaman mereka juga turut musnah. Beliau mengandaikan kemungkinan antara penyebab 'Bah Kuning' yang berlaku di Kelantan pada Disember 2014 ada kaitan dengan pembalakan tersebut. Kesan 'Bah Kuning' telah memusnahkan beberapa infrastuktur di Kelantan serta alam semulajadi di kawasan tersebut (Mohd Hazli Hassan, 2017). Oleh itu, gangguan kemusnahan alam merupakan faktor utama yang mengancam alam semulajadi melalui pembukaan tanah

untuk pertanian, perhutanan, perindustrian dan perbandaran. Kejadian tanah runtuh, banjir, jerebu, perubahan cuaca, hakisan pantai dan kesan rumah hijau adalah antara kesan kemusnahan hutan.

Hasil dapatan sarjana dalam industri pelancongan 2018, mendapati 60 peratus rakyat Malaysia masih belum mampu membuang sampah dengan betul ke dalam tong sampah. Kawalan sampah sarap masih lemah, dimana pengurusan sampah masih tidak diuruskan dengan baik seperti sisa pepejal yang paling kerap ditemui, malah kesan ini menyebabkan kematian seekor ikan paus sepanjang 9.6-meter ditemui mati di perairan Wakatobi, Sulawesi Tenggara kerana mengandungi 5.9 kilogram sampah plastik di dalam perutnya. Sampah plastik ini tidak boleh terurai dalam perut ikan paus dan boleh mengakibatkan keracunan hingga percernaannya terganggu. Pencemaran berasaskan plastik ini akan membantutkan pembiakan hidupan marin. Sebanyak 30,000 hidupan Marin seperti burung laut, penyu dan ikan paus telah mati akibat dari tersalah makan bahan-bahan berasaskan plastik seperti tali pancing dan sebagainya. Dianggarkan juga bahawa 77 tan metrik sampah berasaskan plastik dibuang setiap tahun ke dalam laut.

Walaubagimanapun terdapat negara berhampiran seperti Thailand telah menguatkuasakan peraturan mengharamkan merokok dan membuang puntung rokok serta membuang sampah di 24 lokasi pantainya yang popular. Thailand mempunyai 357 pantai yang menjadi tumpuan pelancong dari seluruh dunia sejak 1990an. Pada tahun 2018, Thailand menganggarkan kedatangan 37.55 juta pelancong dan sudah pasti akan memberi kesan ketara kedatangan pelancong sekiranya kualiti alam sekitarnya terjejas.

Maka istilah Pelancongan Islam penting dalam industri pelancongan kerana kesan pelaksanaannya memberi kesan kepada peningkatan kehadiran pelancong Muslim ke dalam negara, dimana tiga komponen utama dalam pelancongan Islam adalah iaitu ekonomi, kebudayaan dan keagamaan konservatif. Dalam konteks implikasinya kepada Malaysia, penubuhan Pusat Pelancongan Islam pada awal tahun 2010 menjadi platform terbaik dalam memperkasakan pembangunan sektor

Konsep pelancongan di Malaysia merupakan asas kehadiran pelancong, konsep yang telah lama wujud memberi gambaran bahawa Malaysia sebuah negara yang masih mementingkan kehijauan. Antara konsep yang diperkatakan adalah bentuk ‘matahari-laut-pemandangan’ atau “3S” (sun-sea-scenery). Konsep ini masih menjadi tumpuan utama tarikan kedatangan para pelancong (Jani 2009). Maka objektif kajian ini adalah ingin mengetahui isu dan cabaran dalam Islam terhadap industri pelancongan alam semulajadi yang menyebabkan kemerosotan kedatangan pelancong Muslim.

Menurut Abdul Aziz Hussin (2015), tujuan utama yang perlu diterapkan apabila seseorang pelancong Muslim yang ingin melancong ialah:

- a. Ianya bertujuan untuk menambahkan tahap keimanan dan melakukan ibadah kepada Allah SWT. Peningkatan keimanan dapat dicetus dan ditingkatkan melalui pemerhatian, penilaian dan pengkajian dengan mata hati terhadap semua ciptaan Allah termasuklah keindahan alam sekitar.
- b. Ianya bertujuan untuk melaksanakan kewajipan haji dan juga umrah.
- c. Ianya bertujuan untuk mencari, mendalami dan mengembangkan ilmu yang bermanfaat.
- d. Ianya bertujuan untuk mengambil pengajaran daripada kesan-kesan sejarah umat-umat terdahulu, mengingati dan menyanjung perjuangan para *Anbiya*’ serta pendakwah terdahulu.
- e. Ianya bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim sesama Islam.

Menurut Laporan Tahunan Program Transformasi Negara (NTP) 2015 mendapati resit pelancongan menurun sebanyak 4 peratus daripada RM72 billion kepada RM69.1 billion pada 2015, manakala jumlah ketibaan pelancong merosot sebanyak 6.3 peratus daripada 27.4 juta pada tahun 2014 kepada 25.7 juta pada tahun 2016. Kemerosotan dalam ketibaan pelancong dan resit pelancong boleh dikaitkan dengan kelembapan cabaran ekonomi global seperti banjir terburuk dalam tempoh 30 tahun pada tahun 2014 yang

telah menjejaskan beberapa negeri di Malaysia pada awal tahun 2015, gempa bumi di Ranau pada Jun 2015 serta nasihat perjalanan serantau bagi negeri kawasan tenggara pantai di Sabah.

Menurut Ketua Eksekutif PATA (Persatuan Pelancongan Asia Pasifik), pelancongan dan pemuliharaan alam sekitar adalah seiring. Di mana keindahan alam wajib dikekalkan kerana tanpanya sukar untuk industri pelancongan bergerak maju. Menurut beliau lagi, Malaysia merupakan negara yang mempunyai alam semulajadi yang menakjubkan dan pernah mengalami nasib malang dalam industri pelancongan sewaktu bencana jerebu melanda Malaysia dan Indonesia pada tahun 1998. Dalam tempoh tersebut pelancong bimbang untuk melawat Malaysia. Oleh kerana itu PATA telah menggubal Kod Tanggungjawab Sektor Pelancongan terhadap Alam Sekitar (KTSPTAS) sebagai panduan perancangan dan pelaksanaan kegiatan pelancongan yang lebih mesra alam di seluruh dunia, kandungan kod tersebut ialah:

- Melaksanakan amalan tertentu yang dapat menggalakkan pengekalan alam semulajadi termasuk penggunaan berhemat terhadap sumber-sumber yang boleh diguna semula dan pengekalan sumber-sumber yang tidak boleh diperbaharui.
- Menyumbang kepada pengekalan habitat flora dan fauna serta mana-mana tapak semulajadi dan budaya yang mungkin dicerobohi oleh pelancongan.
- Menggalakkan pihak berkuasa yang berkaitan mengenalpasti dan mengawasi pembangunan kawasan yang perlu dikekalkan.
- Memastikan sikap kemasyarakatan, nilai-nilai dan fokus budaya termasuk kepercayaan dan adat kaum tempatan diambilkira dalam merancang kegiatan pelancongan.
- Memastikan prosedur penilaian merangkumi kesan-kesan pembangunan terhadap alam sekitar.
- Mematuhi semua peraturan dan undang-undang memulihara alam sekitar yang digubal pada peringkat antarabangsa.

Oleh itu, kerosakan alam semulajadi boleh menjejaskan kedatangan pelancong ke sesebuah negara. Kekurangan ini menyebabkan pendapatan sesebuah negara juga turut terjejas. Disamping itu ia juga turut menjejaskan sektor pekerjaan yang ada kaitan dengan industri pelancongan. Ini menunjukkan industri pelancongan perlu memandang serius terhadap alam semulajadi yang menjadi aset kepada negara. Manakala Islam juga menekankan pemeliharaan alam sekitar sebagai tuntutan agama.

### **3. Metodologi kajian**

Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif yang menumpukan kepada analisis dokumen iaitu kajian kepustakaan. Maka dalam kajian kepustakaan merupakan langkah pertama yang dilakukan untuk mendapatkan maklumat awal dan asas dalam berkaitan kesan alam sekitar dalam sektor pelancongan. Kajian kepustakaan juga dijalankan bagi mendapat data-data untuk dianalisis. Manakala dalam mengumpul bahan dan maklumat kajian yang diperlukan memerlukan kemahiran dalam ilmu pelancongan dan ilmu alam sekitar serta ilmu berkaitan maqasid syariah. Gabungan ilmu ini penting dalam meneliti kemaslahatan sektor pelancongan dalam negara ini. Selain itu juga dalam proses pengumpulan bahan adalah penting untuk menganalisis sumber primer dan sekunder yang berkaitan alam semulajadi dalam konteks pelancongan meliputi dalil dari al-Quran dan hadith. Sumber-sumber yang diperolehi telah dianalisa dan dihuraikan bertujuan memperolehi hasil kajian yang bertepatan dengan kajian ini iaitu kepatuhan syariah dalam pelancongan alam semulajadi.

#### 4. Perbincangan

Kajian ini penting untuk memberi penekanan bahawa kepentingan penjagaan alam semulajadi adalah bertujuan melahirkan masyarakat yang bersyukur dan menghargai segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT. Setiap individu memerlukan alam semulajadi yang bersih untuk meneruskan kehidupan di muka bumi ini. Antara sumber utama alam adalah tanah, udara dan air. Semua sumber ini diperlukan bagi menjamin kelangsungan hidup manusia. Tanah yang subur diperlukan untuk menjadikan hasil pertanian dan tumbuh-tumbuhan hidup segar dan boleh membekalkan udara yang bersih kepada manusia. Udara yang bersih amat diperlukan untuk pernafasan yang baik bagi menjamin kesihatan yang memuaskan. Sumber air yang bersih amat penting untuk memenuhi keperluan harian manusia dalam melaksanakan ibadah seperti mengambil wuduk. Ini menunjukkan alam semulajadi yang bersih penting bagi pertumbuhan mental dan fizikal yang baik. Maka Sa'dan Man(2016) menyatakan bahawa pemeliharaan alam semulajadi adalah penting dari segi bekalan makanan kepada penduduk dunia.

Menurut tradisi orang Arab terdahulu, setiap anak yang lahir di bandar dihantar dan disusukan di kampung yang mempunyai suasana yang lebih indah dan tenang dengan udara yang segar berbanding di bandar. Rasulullah SAW sendiri telah dihantar ke kawasan perkampungan Arab Badwi dan tinggal di sana selama empat tahun. Hasilnya, baginda menjadi seorang yang cergas, dapat bertutur dengan fasih dan pandai menunggang kuda kerana keadaan padang pasir yang tenang dan bersih. (Norhibah Hasan Zawawi, 1999).

Malaysia merupakan negara yang dikenali sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian biologi. Lebih kurang 59 hingga 70 peratus daripada jumlah tanah negara adalah terdiri dari hutan hujan tropika dan 11.6 peratus masih lagi asli. Malaysia masih mempunyai lebih 564,900 hektar hutan bakau dan menduduki tempat keenam di dunia selepas Indonesia (3,062,000 hektar), Australia (1,451,000 hektar), Brazil (1,012,000 hektar), Nigeria (997,700 hektar) dan Mexico (882,000 hektar). Malaysia mempunyai lebih daripada 15,500 spesies tumbuhan tinggi, 740 spesies burung, 380 spesies reptilian, 190 spesies amfibia dan 360 spesies ikan. Malaysia juga terdapat lebih daripada 285 spesies mamalia dengan 27 spesies endemik dan 51 spesies terancam.

Antara elemen alam semulajadi yang menjadi tarikan pelancong di Malaysia ialah kepelbagaian flora dan fauna seperti hutan FRIM di Kepong yang mempunyai 185 spesies burung, 59 spesies mamalia dan 82 spesies reptilia. Hutan Belum di Perak yang berusia 130 tahun lebih tua dari hutan Amazon mempamerkan 10 spesies burung enggang, 3000 spesies tumbuhan berbunga serta bunga rafflesia yang merupakan bunga terbesar di dunia. Begitu juga dengan Taman Negara yang berusia 130 tahun berkeluasan 4,343-kilometer persegi merangkumi tiga negeri iaitu Pahang, Kelantan dan Terengganu. Ianya mengandungi 300 spesies ikan, 386 spesies burung dan mamalia besar seperti gajah, harimau, tapir, seladang, babi hutan dan rusa. Malaysia juga terdapat kehidupan batu karang yang cantik dan menarik seperti di Taman Laut Pulau Redang, Pulau Perhentian dan Pulau Sipadan. Begitu juga dengan pelancongan tanah tinggi seperti Cameron Highland, Bukit Fraser dan Gunung Kinabalu.

Sektor pelancongan telah menyumbang pendapatan negara sebanyak RM84.1 billion pada tahun 2018 menerusi kehadiran seramai 25.8 juta pelancong (PETA, 2019). Dari segi ketibaan pelancong, ianya mencatatkan penurunan kerana pada tahun 2017, ketibaan pelancong adalah seramai 25.9 juta, namun perolehan pendapatan hanya sebanyak RM82.2 billion. Antara 10 negara pasaran tertinggi yang menjana pelancong ke Malaysia pada tahun 2018 adalah dari Singapura dengan 10 juta orang diikuti Indonesia seramai 3.2 juta dan China pula seramai 2.9 juta. Ini bermakna pasaran ASEAN telah mendominasi ketibaan pelancong berbanding pasaran Asia Tengah, Afrika, Amerika, Asia Barat, Asia Timur, Asia Selatan dan Eropah. Barangan kraftangan Malaysia merupakan item yang popular dibeli oleh pelancong selain

makanan. Ini menunjukkan pemeliharaan alam semulajadi termasuk dalam pemeliharaan harta seseorang (hifz al-mal). (Sa'dan Man, 2016)

Oleh kerana pentingnya pelancongan alam semulajadi, maka Islam memberikan perhatian yang khusus agar pemuliharaan alam menjadi tanggungjawab kepada setiap individu Muslim untuk menjaganya sesuai dengan Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah SWT itu baik dan menyukai yang baik, bersih dan menyukai yang bersih, mulia, pemurah dan menyukai kemurahan” (Riwayat Tirmizi)*

Menurut Syariat Islam (Abu Bakar Yang, 2015), mengurus dan memelihara alam sekitar adalah sama seperti kita menjaga nyawa (*hifz al-nafs*) iaitu perlindungan atau pemeliharaan terhadap psikologi manusia dan keselamatannya. Kerosakan terhadap alam sekitar menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan alam dan ianya amat membahayakan manusia dan makhluk-makhluk yang lain. Islam amat memberikan penekanan yang sangat besar terhadap kelangsungan kehidupan manusia. Firman Allah SWT bermaksud:

*“Barangsiapa yang membunuh seorang manusia dan membuat kerosakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia seluruhnya. Dan barangsiapa yang memelihara kehidupan manusia, maka seakan-akan dia telah memelihara kehidupan manusia seluruhnya” (Surah al-Maidah: 32)*

Ayat ini menunjukkan bahawa alam ini bukanlah milik manusia untuk berbuat sesuka hati tetapi alam adalah milik Allah SWT yang dipinjamkan kepada manusia untuk berkongsi hidup dengan makhluk-makhluk yang lain dan dituntut untuk menjalankan perintah Allah SWT. Berdasarkan sifat rahmat yang dibawa oleh Rasulullah SAW adalah untuk sekalian alam (*Rahmatan lil'Alamin*) yang meliputi manusia, haiwan dan alam seluruhnya. Oleh itu, apa sahaja makhluk di alam ini wajib diberi hak kehidupan dan dipelihara dengan sebaik-baiknya.

Dr Yusuf al-Qardhawi (Abu Bakar Yang, 2015) telah menggariskan prinsip-prinsip konservasi terhadap alam ini iaitu: Pertama: Menanam dan menghijaukan. Kedua: Membangun dan menyuburkan. Ketiga: Menjaga kesihatan. Keempat: Berbuat baik kepada alam sekitar. Kelima: Membersihkan dan menyucikan. Keenam: Konservasi biodiversiti. Ketujuh: Melindungi alam sekitar dari kemusnahan. Kelapan: Menjaga keseimbangan ekosistem. Oleh itu, pemeliharaan terhadap alam semulajadi merupakan suatu tuntutan dalam Islam kerana ianya termasuk dalam kepentingan menjaga kebersihan.

Manusia dan alam semulajadi menurut pandangan Islam saling memerlukan antara satu sama lain. Tugas menjaga alam ini adalah seiring dengan konsep khalifah yang diberi amanah kepada manusia untuk mengurus dan mentadbir bumi ini dengan sebaik-baiknya dan dipersoalkan kelak atas tanggungjawab tersebut. Sabda Rasulullah SAW:

*“Dunia ini hijau dan cantik dan Tuhan telah melantik kamu sebagai pengurusnya. Dia melihat apa yang kamu lakukan” (Riwayat Muslim)*

Berdasarkan hadis diatas menunjukkan bahawa perbuatan merosakkan alam sekitar adalah mengganggu kehidupan manusia dan menyimpang daripada perintah Allah SWT dalam konteks menjaga hubungan baik antara manusia dan alam sekitarnya. Perbuatan mencemar dan merosakkan alam sekitar adalah bermaksud menodai fungsi kekhalifahan yang telah dibebankan kepada manusia. Bumi bukan milik manusia untuk berbuat sesuka hati tetapi bumi ini adalah milik Allah yang dipinjamkan kepada manusia untuk menguruskannya. Oleh itu manusia dilantik sebagai khalifah adalah untuk bertanggungjawab untuk menjaga dan menguruskannya dengan sebaik mungkin. Firman Allah SWT bermaksud:

“Dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi setelah Allah memperbaikinya dan berdoalah kepadaNya dengan rasa takut (tidak akan diterima) dan harapan (akan dimakbulkan). Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat kepada orang-orang yang berbuat baik”  
(Surah al-A’araf: 56)

## 6. Dapatan Kajian

Menjaga dan memelihara alam semulajadi juga termasuk dalam memenuhi tuntutan maqasid syariah tentang memelihara akal (*hifz al-a’ql*). Alam semulajadi yang cantik dan indah seperti gunung ganang, air terjun, sungai, pokok-pokok mampu menenangkan fikiran seseorang. Manusia memerlukan suasana yang mendamaikan khususnya jika mengalami masalah dan tekanan dalam kehidupan. Bumi dan alam yang rosak akibat tangan-tangan manusia mengakibatkan kemusnahan bekalan makanan dan sumber air. Apabila banyak hutan yang ditebang kerana faktor pembangunan dan sebagainya menyebabkan bencana kemarau atau banjir melanda bumi. Bila banjir dan kemarau berlaku ia turut memberi kesan kepada pengeluaran makanan kerana hasil tanaman rosak atau tidak dapat tumbuh dengan baik. Makanan berkurangan seterusnya memberi kesan kepada manusia seperti kebuluran dan kemungkinan boleh meningkatkan kadar kematian. Oleh itu, jika alam semulajadi terpelihara, kehidupan manusia juga menjadi semakin baik. Seterusnya boleh menjamin keselamatan nyawa manusia (*hifz al-nafs*).

Harta manusia juga akan terpelihara sekiranya manusia berusaha menjaga dan memelihara bumi dan alam semulajadi daripada kerosakan seperti pencemaran dan sebagainya. Pemuliharaan pokok-pokok dari penebangan secara berleluasa dapat mengelakkan berlaku bencana alam seperti banjir, tanah runtuh dan sebagainya. Oleh itu kemusnahan harta seseorang juga dapat dikurangkan dan seterusnya dapat mengelakkan daripada kerugian yang besar.

Apa yang penting adalah pendidikan alam sekitar perlu diterapkan kepada masyarakat bermula dari diri sendiri, keluarga seterusnya komuniti setempat dengan sama-sama mengamalkan gaya hidup sihat dengan tidak membuang sampah merata-mata, mengamalkan amalan 3R, tidak melakukan pembakaran terbuka yang akan mencemarkan udara dan meningkatkan suhu bumi, tidak membuang bahan kimia serta sampah sarap ke dalam sungai dan laut dan melaksanakan pelbagai kempen pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara berterusan oleh semua pihak. Melalui pendidikan alam sekitar ini, akhlak atau sikap yang baik dan mesra alam dapat dihayati dalam kehidupan setiap individu Muslim.

Oleh itu, dalam Maqasid Shariah menekankan bahawa pemeliharaan harta benda, nyawa, akal, agama dan keturunan merupakan asas dalam penjagaan diri, masyarakat dan negara. Sekiranya masyarakat atau khalifah yang sedar tentang kepentingan diri mereka dalam menjaga alam sebagai tanggungjawab utama, sudah pasti sektor pelancongan negara terus memberi kesan kepada sektor ekonomi negara.

## 7. Kesimpulan

Syariah Islam adalah menjadi panduan dalam pelancongan alam sekitar semulajadi agar segala tindakan yang dilaksanakan tidak melanggar batasan syariah yang telah ditetapkan. Kepatuhan kepada panduan syariah boleh menjamin manusia menjaga hubungan dengan Allah, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam sekitar. Oleh itu manusia mesti memainkan peranannya sebagai hamba kepada Allah serta sebagai khalifah untuk menyebarkan kebaikan dan kepentingan penjagaan alam semulajadi dan bertindak sebagai pemakmur kepada alam ini menerusi pelbagai aktiviti yang boleh mendatangkan kebaikan. Selain itu, manusia mesti bertindak untuk menghindarkan alam ini daripada sebarang kerosakan kerana ianya termasuk dalam tanggungjawab kekhalfahan untuk mengekalkan kelestarian alam semulajadi seperti dalam keadaan yang asli kerana ianya merupakan suatu ni’mat anugerah Allah yang mesti dipelihara. Sebaliknya kerosakan alam seperti pencemaran, kemusnahan flora dan pelbagai aktiviti yang melanggar etika dan syariah akan menyebabkan terjejas kedatangan para pelancong dan mengurangkan pendapatan sesebuah negara. Oleh itu setiap individu Muslim perlu menjaga alam semulajadi kerana ianya



merupakan tuntutan syarak yang penting demi kelangsungan kehidupan dan memastikan alam semulajadi sentiasa dapat dinikmati keindahan dan kecantikannya oleh seluruh makhluk Allah dan menambahkan pendapatan negara.

## 8. Penghargaan

Kajian ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan peringkat PhD. Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Pengurusan Pusat Asasi dan Perpustakaan Tun Abdul Razak, Pusat Asasi, UiTM Kampus Dengkil, Selangor.

## 9. Rujukan

- Abdul Aziz Hussin (2015). *Pelancong dan Pelancongan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Bakar Yang (2015). *Pengurusan dan Pemuliharaan Alam Sekitar Dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Department of Environment (1994) dalam Jahi, J. M. (2009). Pembangunan Pelancongan dan impaknya terhadap persekitaran fizikal pinggir pantai. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 10(2), 71-87.
- Sa'dan Man dan rakan-rakan (2016), *Maqasid al-Shari'ah: Aplikasi Dalam Aspek Sains dan Teknologi*, Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM.
- Jahi, J. M. (2009). Pembangunan Pelancongan dan impaknya terhadap persekitaran fizikal pinggir pantai. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 10(2), 71-87.
- Johnes, J., & Mapjabil, J. (2020). Isu dan Cabaran Pelancongan Kembara dan Masa Depan di Malaysia: Backpacker Tourism Issues and Challenges and Its Future In Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 20(1), 46-56.
- Leh, F. C. (2017). Pelancongan bandar dan isu keselamatan: Kajian kes pelancong antarabangsa Kuala Lumpur. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(8).
- Mapjabil, J., Abd Razak, R. R., Marzuki, M., & Zainol, R. M. (2015). Pelancongan Islam: Suatu tinjauan konseptual dan relevannya di Malaysia. *M Malaysia Journal of Society and Space*, 11, 172-182.
- Mohd Istajib Mokhtar (2015), *Konservasi Biodiversiti Menurut Etika-Perundangan Islam: Kajian Terhadap Kawasan Perlindungan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang (Thesis Phd. Tidak diterbitkan).
- Mohamad, Z. B. (2016). *Kompetensi Keusahawanan Dan Kelestarian Pengusaha Penginapan Pelancongan Di Semenanjung Malaysia: Sokongan Kerajaan Sebagai Penyederhana* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Terengganu).
- Norhibah Hasan Zawawi (1999), *Konsep Islam Terhadap Pemuliharaan Alam Sekitar*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Rosmidzatul Azila Mat Yamin (2011), *Pengurusan Alam Sekitar dan Biodiversiti dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Salleh, N. H. M., Sarmidi, T., Othman, R., Jaafar, A. H., & Ramli, R. M. (2011). Kepuasan dan kesetiaan Pelancong Domestik Terhadap destinasi pelancongan Pulau Kapas. *Journal of Tropical Marine Ecosystem*, 1(2011), 10-21.

Zaini Ujang (2009), *Minda Lestari: Pembangunan Negara dan Pemuliharaan Alam Sekitar*, Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia